

COLIN COUGH SYRUP

Guaiphenesin (100mg/5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Colin Cough Syrup
2. Bagaimana Colin Cough Syrup berfungsi
3. Sebelum mengambil Colin Cough Syrup
4. Cara mengambil Colin Cough Syrup
5. Semasa mengambil Colin Cough Syrup
6. Kesan-kesan Sampingan
7. Cara Penyimpanan dan Pelupusan Colin Cough Syrup
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh Kemas Kini RiMUP

Apakah Kegunaan Colin Cough Syrup

Colin Cough Syrup digunakan untuk melegakan batuk, mencairkan kahak yang pekat, dan memudahkan pengeluaran kahak.

Bagaimana Colin Cough Syrup berfungsi

Ia mengandungi guaiphenesin yang berfungsi dengan mencairkan kahak di dalam paru-paru sehingga kurang melekit dan lebih mudah untuk dikeluarkan.

Sebelum mengambil Colin Cough Syrup

– Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil jika anda mempunyai alahan terhadap guaiphenesin atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (seperti disenaraikan dalam Maklumat Lanjut)

– Sebelum mula mengambil Colin Cough Syrup

Mengandung dan menyusukan anak
Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan anak sebelum menggunakan sebarang ubat.

– Jika mengambil ubat- ubatan lain

Beritahu doktor anda jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

Cara mengambil Colin Cough Syrup

– Berapa banyak harus digunakan

Dewasa dan kanak-kanak berumur lebih dari 12 tahun:

Beri 2 sudu teh (10ml).

Kanak-kanak 6 hingga 12 tahun:

Beri 1 sudu teh (5ml).

Kanak-kanak 2 hingga 5 tahun:

Beri 2.5ml.

– Bila perlu diambil

Untuk diambil 3 hingga 4 kali sehari, atau seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

– Berapa lama perlu diambil

Ambil seperti yang dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi.

– Jika anda terlupa mengambil

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

– Jika mengambil secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat anda, jika anda fikir anda atau orang lain mungkin telah mengambil terlalu banyak ubat ini. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan segera.

Semasa mengambil Colin Cough Syrup

– Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil Colin Cough Syrup.

Jika simptom berterusan, sila dapatkan nasihat doktor.

– Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mula mengambil sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan memberi Colin Cough Syrup kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

– Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati semasa memandu atau mengendalikan jentera sehingga anda mengetahui kesan Colin Cough Syrup terhadap anda.

Kesan-kesan Sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Colin Cough Syrup boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mendapatnya. Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Sakit perut, cirit-birit, mengantuk, loya atau muntah telah dilaporkan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npa.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara Penyimpanan dan Pelupusan Colin Cough Syrup

– Penyimpanan

- Simpan di bawah suhu 30°C dan lindungi daripada cahaya dan haba.
- Tutupkan penutup dengan ketat.
- Jauhkan daripada kanak-kanak

– Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat Lanjut

– Rupa dan warna produk

Sirap yang berwarna merah jernih dengan perisa raspberi dan mentol.

– Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Guaiphenesin
- Bahan tidak aktif
Methyl hydroxybenzoate, propyl hydroxybenzoate, sodium benzoate, sodium saccharin, sucrose, xanthan gum, liquid glucose, citric acid anhydrous, menthol, raspberry flavour, carmoisine, purified water.

COLIN COUGH SYRUP

Guaiphenesin (100mg/5ml)

– Nombor MAL:
MAL19912822X

**Pengilang dan Pemegang Pendaftaran
Produk**

Winwa Medical Sdn. Bhd.
1952, Lorong I.K.S. Bukit Minyak 3,
Taman I.K.S. Bukit Minyak,
14000 Bukit Mertajam,
Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh Kemas Kini RiMUP
22/08/2025

Nombor Siri:
NPRA(R4/1)150824/00106